

# Hartanah kediaman dikecualikan duti setem

Oleh Kadir Dikoh

BH 5/7/03

HARTANAH kediaman seperti rumah, unit kondominium, pangsapuri dan apartmen yang masih dalam pembinaan; turut dikecualikan duti setem jika ia dibeli dalam tempoh antara 1 Jun tahun ini sehingga 31 Mei tahun depan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata bagi mendapat kelayakan pengecualian duti setem itu, surat perjanjian jual beli mestilah disempurnakan dalam tempoh berkenaan.

“Pengecualian duti setem ini hanya diberi ke atas pembelian hartanah kediaman dengan harganya tidak melebihi RM 180,000 seunit daripada pemaju peruma-

han, badan berkanun atau koperasi,” katanya dalam pekeliling terbaru Perbendaharaan mengenai Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No 6) 2003, semalam.

Pengecualian duti setem bagi pembelian hartanah kediaman itu serta pengecualian cukai keuntungan hartanah, diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Pakej Strategi Baru bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara pada 22 Mei lalu.

Jamaludin menjelaskan, permohonan bayaran balik duti setem bagi dokumen yang sudah disetem hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Setem berkenaan iaitu pejabat di mana dokumen itu disetemkan.

Sebelum permohonan dibuat, pembeli hendaklah memastikan

dengan firma guaman yang mewakilinya dalam urusan pembelian atau pinjaman, sama ada dokumen yang berkenaan sudah disetemkan.

Bagi tujuan pemerosesan tuntutan bayaran balik duti setem yang sudah dibayar, pemohon mestilah mengemukakan kepada pejabat setem, salinan asal dan salinan fotostat setiap dokumen.

Salinan asal akan dikembalikan selepas tindakan sewajarnya diambil.

Jika pemohon diwakili oleh firma guaman, mereka hendaklah menyatakan nama dan alamat bank serta nombor akaun bank di mana bayaran itu akan dikreditkan.

Jamaludin berkata, permohonan bayaran balik hendaklah mengikut prosedur tertentu.

Bayaran balik akan dibuat dalam tempoh antara sebulan hingga dua bulan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima.

Mengenai pengecualian cukai keuntungan hartanah, beliau berkata ia diberi ke atas pelupusan hartanah yang dibuat mulai 1 Jun tahun ini hingga 31 Mei tahun depan.

Pengecualian juga diberi kepada bukan warga negara dan bukan pemastautin tetap di negara ini.

Bagi memohon pengecualian itu, seseorang hanya perlu mengemukakan penyata dalam masa 30 hari daripada tarikh pelupusan hartanah dibuat, dengan mengisi borang yang boleh diperoleh di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri.